

# Kesahihan dan Kemutawatiran

## Hadis al-Ghadir

Artikel ini bertujuan untuk meneliti secara akademik tentang kebenaran peristiwa (hadith) al-Ghadir yang lebih menekankan kepada kepemimpinan<sup>1</sup> “Ali bin Abi Talib ‘a.s terhadap umat Islam selepas kewafatan rasulullah s.’a.w dengan melihat kepada periwayat – periwayatnya yang terdiri dari para sahabat a.s, tabiin dan ulama-ulama hadith sebagaimana yang termuat dalam kitab – kitab hadith yang muktabar, tanpa prasangka dan kefanatikan mazhab.

---

<sup>1</sup> “Kepimpinan” di sini dimaksudkan kepada wilayah daripada mawla atau wali yang mempunyai berbagai erti di antaranya, menurut Ibn Manzur, yang memiliki semua perkara dan mentadbirnya. Jika dikatakan bahawa seorang itu lebih awla – utama dari yang lain bermaksud bahawa ia lebih daripada atau atasnya. Dan dalam hadith, “man kuntu mawlahu fa’ali mawlahu”, iaitu siapa yang mengakui aku mawlanya, maka ;ali juga mawlanya. Lihat Ibn Manzur, Lisan al-’Arab , Jilid XV, Beirut 1956, hh. 407/408; cf Ibn Hanbal, Musnad , I: 84, 118, 119, 152,

331, IV:281, 368, 370, 372, V:347, 366 dan 419; Tirmidhi, Manaqib 19; Ibn Majah, muqaddimah 11. Manakala menurut ‘Abd al-Husayn Ahmad pula, perkataan mawla mempunyai 27 makna, di antaranya al-rabb, al-ibn, ibn al-ukht, al-mut’iq, al-mut’aq, al-’abd, al-malik, al-tabi’, al-mun’am ‘alayh, al-sharik al-halif, al-sahib, al-jarr, al-nazil, al-nasr, al-qarib, , al-mun’im, al-faqid, al-wali, al-awla bi’l-shay’, al-sayyid qhayr al-malik, al-mut’aq, al-muhibb, al-nasir, al-mutasarrif fi’l-amr, dan al-mutawalla fi’l –amr. Bagaimanapun, dalam konteks hadith al-wali dan wa’l-awla bi’l-shay’ adalah lebih sesuai , dan ini menepati pula dengan sabda nabi s.’a.w. iaitu yang berikut: “alastu awla bikum min anfusikum, faman kuntu mawlahu fa ‘ali mawlahu,” iaitu yang bermaksud: “Siapakah yang lebih utama menjadi mawla (wali) kamu lebih daripada diri kamu sendiri, maka siapa yang mengaku sebagai mawlanya, maka ‘Ali juga mawlanya...” Lafaz hadith ini diriwayatkan oleh ramai ulama-ulama Islam, di antara mereka ialah Ahmad b. Hanbal, Ibn Majah, al-Nasa’i, al-Shaybani, Abu Ya’la, al-Tabari, al-Tirmidhi, al-Tahawi, Ibn ‘Uqdah al-’anbari, Abu Hatim, al-Tabrani, Ibn Battah, al-Daraqutni, al-Dhahabi, al-Hakim, al-Tha’labi, Abu Nu’aim, al-Bayhaqi, al-Khatib, al-Sijistani, al-Khawarizmi, Ibn ‘Asakir, Abu al-Faraj, al-Tafazani, Ibn Kathir, al-Jazar, Ibn Hajar al-’Asqalani, al-Suyuti dan al-Halabi – di mana semua mereka itu bersetuju bahawa hadith ini difokuskan kepada kempimpinan (Khilafah atau imamah) ‘Ali b. Abi Talib yang wajib umat menerima kempimpinannya dan taat kepadanya. Lihat “Abd al-Husayn Ahmad, al-Ghadir fi al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Adab, Jilid I, Najaf-Iraq 1945, hh. 323-343.

1. Maksud hadith – Dalam perjalanan pulang ke Madinah selepas mengerjakan Hajin Perpisahan, “Hajjat al wada’<sup>2</sup> dan sewaktu berhenti di Ghadir al Khumm<sup>3</sup> maka Rasulullah saw berucap kepada kaum muslimin yang bersama-sama baginda,<sup>4</sup> antra lain ucapan baginda:

“Wahai manusia, sesungguhnya Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengetahui telah memberitahuku bahawa Dia tidaklah melanjutkan usia nabi melainkan sekadar separuh dari usia nabi yang dahulu daripadanya, dan sesungguhnya tibalah masanya aku dijemput menemui Allah, dan aku pasti memenuhinya,<sup>5</sup> dan sesungguhnya aku bertanggung jawab,<sup>6</sup> dan kamu juga

---

<sup>2</sup> “Hajjat al-Wada”, iaitu “Haji Perpisahan” juga dikenali “Hajjat al-Islam”, “Hajjat al-Balagh”. “Hajjat al-Kamal”, dan “Hajjat al-Itmam” Ibid, hh. 8-9.

<sup>3</sup> “Ghadir al-Khum” ialah suatu kawasan perairan dekat al-Juhfah dalam perjalanan dari Makkah ke Madinah dan merupakan tempat tinggal suku Khuza’ah dan suku Kinanah. Lihat Luis Ma’luf, al-Munjid fi al-Lughat wa al-Adab, Beirut 1927, h. 367.

<sup>4</sup> Kita tidaklah mengetahui dengan pasti akan bilangan kaum muslimin yang mengikut Rasulullah s.‘a.w ke Haji Perpisahan ini. Walau bagaimanapun, Ibn al-Athir menyatakan seramai kira-kira antara 90,000 hingga 140,000 orang. Jadi, jikalau seramai ini yang turut pula bersama-sama baginda ke Madinah dan seramai inilah juga diperintahkan oleh baginda supaya berhenti dari berhimpun di Ghadir al-Khumm untuk mendengar ucapan baginda, maka bayangkanlah betapa penting ucapan baginda yang mengenai agama Islam dan kepimpinan umatnya setelah sepeninggalan baginda! Lihat Ibn al-Athir, al-Kamil fi al-Tarikh, Jilid II, Beirut 1979, h.230; Ibn al-Salah, ‘Ulum al-Hadith, Bombay, 1938, h. 148; cf. Siddiqi, Muh Zubair “The Service of the Companions of Islam to His Tradition,” dalam Islamic Culture, XXXV, 1961, h. 130.

<sup>5</sup> Rasulullah saw mengumumkan akan berakhirnya hayat baginda, dan untuk mengingatkan kaum muslimin bahawa saatnya telah tiba untuk baginda menyampaikan pesannya kerana itulah baginda mesti mengisytiharkan penggantinya setelah sepeninggalan baginda, lantaran baginda bimbang nanti ajal baginda tibaa sebelum sempat kewajipan ini ditunaikannya yang kemudian menjadi kewajipan pula bagi umatnya melaksanakannya. Lihat al-Musawi, ‘Abd al-Husayn Sharaf al-Din, al-Muraja’at, Tehran 1947, h. 187.

<sup>6</sup> Mengingatkan bahawa untuk mengisytiharkan saudara dan menantunya sebagai khalifah pengganti baginda (dalam urusan agama dan Negara) sepeninggalnya nanti merupakan perkara yang amat berat bagi kaum muslimin, terutamanya bagi orang yang tidak sukakannya dan orang-orang munafiqin, maka sebelum pengumuman dibuar Rasulullah saw telah berusaha melunakkan hati mereka demi untuk menghindarkan timbulnya tindakan-tindakan dan perkataan-perkataan yang berupa penentangan dan sebagainya, oleh itu baginda menggunakan kata-kata : “...aku bertanggungjawab (atau dipertanggungjawab) ...” bertujuan supaya mereka menyedari bahawa baginda hanya melaksanakan perintah Allah dan bertanggung jawab terhadap pelaksanaannya, dan oleh kerana itu tiadalah jalan lain lagi baginda kecuali melaksanakan perintah Allah itu. Ibid, , h. 238. Manakala Imam al-Wahidi bersandarkan kepada riwayat Abu Said al-Khurdi menyatakan bahawa ayat 67 dari Surah al-Maidah yang bermaksud “...wahai nabi sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari

Tuhanmu, dan jika kamu tidak laksanakan (apa yang diperintanya itu bererti) kamu tidak menyampaikan amanahnya (Allah)...” dan seterusnya hingga akahir ayat itu adalah diturunkan dalam peristiwa al-Ghadir berhubung dengan ucapan Rasulullah saw khusus tentang kepimpinan dan kekkhalifahan ‘Ali. Lihat al-Wahidi, Abu al-Hasan ‘Ali bin Ahmad al-Wahidi al-Naysaburi, Asbab al-Nuzul, Cairo 1968, h. 135.

bertanggungjawab <sup>7</sup> maka apakah yang akan kamu katakan nanti?"

Lalu mereka yang hadir menjawab: "Kami menyaksikan bahawa tuan hamba telah menyampaikan risalah Allah, tuannya telah berjihad dan telah menunjuk-jarkan kami, semoga Allah akan membalas tuan hamba dengan kebaikan!" Kemudian Rasulullah SAWA meneruskan lagi ucapannya: "Bukankah kamu menyaksikan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad hamba dan pesuruhNya, dan bahawa syurgaNya adalah hak (benar dan pasti), nerakaNya adalah hak, kematian adalah hak dan kebangkitan sesudah mati hak dan Hari Qiamat pasti tiba - tiada keraguan lagi tentangnya - dan bahawa Allah akan membangkitkan kembali semua yang dalam kubur?" Ya," kami menyaksikannya." <sup>8</sup> Jawab mereka. "Wahai Tuhanku, saksikanlah." Sabda baginda. Kemudian Rasulullah SAWA menyeru mereka: "Wahai manusia, adakah kamu tidak mendengar?" "Ya," Jawab mereka semua. Lalu baginda meneruskan ucapan baginda lagi: "Sesungguhnya aku mendahului kamu ke al-Haud dan kamu akan menemuiku di al-Haud, <sup>9</sup> al-Haud yang lebih luas daripada apa yang dapat dicapai oleh penglihatanku ke San'a, di sana tersedia gelas-gelas perak sebanyak bilangan bintang-bintang (di langit) dan aku bertanya kamu - apabila tiba ke tempat itu dan tentang al-Thaqalain, <sup>10</sup> bagaimana kamu memperlakukannya setelah sepeninggalanku nanti?" Seorang bertanya kepada baginda: "Apakah al-Thaqalain itu wahai Rasulullah?" Lantas baginda menjawab: "al-Thaqal yang terbesar ialah Kitab Allah Azza Wa Jalla yang satu hujungnya di tangan Allah, dan yang lain lagi di tangan kamu. Maka berpeganglah erat-erat kepadanya, nescaya kamu tidak akan sesat dan tidak berubah (arah); dan al-Thaqal yang kedua yang lebih kecil ialah Itrahku, Ahlul Baytku, kerana Allah Yang Maha Tinggi memberitahuku bahawa kedua-duanya tidak akan

<sup>7</sup> Agaknya ucapan Rasulullah saw: "...dan kamu juga bertanggungjawab..." dimaksudkan oleh baginda sebagai isyarat kepada apa yang diriwayatkan oleh al-Daylami dan lain-lain sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Hajar dalam kitabnya al-Sawaiq dan lainnya daripada abu said al-khudri bahawa Rasulullah saw telah bersabda (ketika mentafsirkan ayat 24 dari Surah al-Saffat): "Dan tahanlah mereka, kerana sesungguhnya mereka akan ditanya..." dimaksudkan bahawa mereka akan ditanya tentang pewalian 'Ali. Ini adalah sesuai dengan pandangan Imam al-Wahidi: "mereka akan ditanya tentang pewalian mereka terhadap 'Ali dan Ahlul Bayt, maka tujuan dari firman Allah: "Dan tahanlah mereka kerana sesungguhnya akan ditanya" ialah untuk mengecam mereka yang menentang kewalian Rasulullah saw dan wasinya. Cf. Al-Musawi, h. 187.

<sup>8</sup> Sesiapa sahaja yang menyaksikan ucapan Rasulullah saw, dengan mendalam (tanpa prasangka dan kefanatikan mazhab), pasti akan dapat menarik kesimpulan bahawa memperwalikan Ali adalah termasuk dalam pokok keimanan muslim seperti yang dijadikan pegangan oleh kaum Shi'ah Imamiyyah kini. Perhatikan ucapan baginda, pertama-tama ditujukan kepada umatnya: "...Bukankah kamu menyaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah hamba dan utusanNya?" sehingga baginda menyatakan lagi: "...bahawasanya Hari Qiamat adalah hak (haqq) dan bahawasanya Allah akan membangkitkan kembali mereka yang telah berada dalam kubur..." lalu diikuti pula dengan persoalan walayah, pwalian 'Ali agar diketahui umum bahawa perkara ini masih dalam lingkaran pertanyaan yang sama yang mest mereka menjawab dan berikrar dengan baginda melaksanakannya setelah sepeninggalan baginda nanti. Lihat al-Musawi, h. 187.

<sup>9</sup> Al-Hawd, pada asalnya bererti suatu sumber air (perairan). Lihat al-Munjid, h. 157. Tetapi dalam konteks hadis ini, dimaksudkan kepada suatu tempat mulia (istimewa) yang disediakan dalam syurga kepada Rasulullah saw dan orang-orang dikasihi Allah, di mana dengannya dapatlah umatnya menghilangkan dahaga pada hari Qiamat. Lihat Ibn Manzur, Lisan., VII, h. 141.

<sup>10</sup> Al-Thaqal, literalnya bererti sesuatu yang berharga, shay'un nafis ("valuable"). Lihat al-Munjid, h. 69; Cf. J.G. Hava, al-Faraid al-Durriyyah, Beirut 1964, h. 69. Tetapi yang dimaksudkan dalam konteks hadis ialah dua perkara yang amat berharga bagi kaum Muslimin, iaitu Kitab Allah dan 'Itrahnya, ahlulbaytnya, atau ahli keluarganya. Lihat Ibn Manzur, Lisan., XI, hh. 87-88.

berpisah (selama-lamanya) sampai menemuiku di al-Haud. Aku bertanya kepadaTuhankuberhubungdengankedua-duanya itu, makajanganlah kamu melampaui kedua-duanya nescaya kamu akan binasa dan janganlah mengabaikannya nescaya kamu akan binasa." Kemudian Rasulullah SAW memegang dan mengangkat tangan Ali sehingga terlihat keputihan ketiaknya dan diketahuinya oleh semua yang hadir, lantas baginda pun bersabda

lagi: "Wahai manusia, siapakah yang lebih utama menjadi wali (wali=mawla) bagi orang-orang Mukminin daripada diri mereka sendiri?"<sup>11</sup> Mereka menjawab: "Allah dan RasulNya lebih mengetahuinya." Sabda baginda: "Sesungguhnya Allah ialah mawlaku dan aku mawla orang-orang Mukminin dan akulah lebih berhak menjadi wali mereka lebih daripada diri mereka sendiri, maka barangsiapa (mengakui) aku sebagai mawlanya 'Ali juga mawlanya." Rasulullah mengucapkannya tiga kali; dan menurut Ahmad yang meriwayatkan dari Zaid b. Arqam dalam Musnad IV, halaman 372 baginda mengucapkan empat kali, kemudian baharulah baginda meneruskan ucapan baginda: "Wahai Tuhanku, cintailah siapa yang memperwalikannya, musuhilah siapa yang memusuhinya, cintailah siapa yang mencintainya, bencilah siapa yang membencinya, tolonglah siapa yang menolongnya, tinggalkanlah (tanpa memberi pertolongan) siapa yang meninggalkannya dan penuhilah hak (kebenaran) bersamanya di mana-mana sahaja ia berada. Sampaikanlah (pengumuman penting ini oleh) siapa yang hadir kepada yang tidak hadir, kemudian orang ramai tidak berpisah hingga Jibrail tiba membawa wahyu yang bermaksud: "Pada hari ini telahKu sempurnakan untukmu agamamu dan telahKu lengkapkan kepadamu nikmatKu, dan telah Aku memperkenankan Islam menjadi agamamu..."(al-Qur'an:5:3)

Selepas itu Rasulullah SAWbersabda: "Allah Yang Maha Agung telah menyempurnakan agama, telah melengkapkan nikmat dan Dia telah memperkenankan risalahku dan kepimpinan Ali selepasku." Lantas orang ramai bertepuk tangan untuk memberi tahniah kepada Amirul Mu'minin (Ali binAbiTalib) as.; dan di antara sahabat-sahabat utama yang turut memberi tahniah kepada Ali ialah Abu Bakr dan Umar al-Khattab, masing-masing mengucapkan: "Bakh Bakh(well done) wahai putera Abi Talib, anda telah menjadi waliku dan wali tiap-tiap Mukminin dan Mukminah." Lantas Ibn Abbas berkata: "Demi Allah, adalah wajibkepada tuan hamba, bahkan kepada kaum Muslimin seluruhnya." Lalu Hasan bin Thabit pula berkata: "Izinkan saya, wahai Rasulullah SAW untuk menyatakan (sesuatu) mengenai Ali melalui syair! "Katakanlah (wahai Hassan), semoga diberkati Allah!" Oleh itu Hasan pun berkata: "Wahai sekalian ketua-ketua Quraisy sokonglah perkataanku melalui penyaksian Rasulullah tentang kewalian Ali yang telah ditentukan, lalu iapun mengungkapkannya syair: "Nabi mereka di Ghadir menyeru mereka,

---

<sup>11</sup> Ucapan Rasulullah saw: "...dan aku lebih utama menjadi wali mereka lebih dari mereka sendiri" menunjukkan yang dimaksudkan dengan wali atau mawla adalah "yang lebih utama", dengan demikian maka erti kalimat tersebut di atas ialah: "...bahawasanya Allah lebih utama menjadi waliku daripada diriku sedniri, dan bahawasanya aku lebih utama menjadi wali kaum muslimin daripada diri mereka sendiri, dan barangsiapa yang diriku yang (mengakui) diriku lebih utama menjadi walinya lebh daripada dirinya sendiri, maka 'Ali juga adalah lebih utama menjadi walinya lebih besar daripada dirinya sendiri. Lihat al-Musawi, h. 188.

Dengarlah Rasul akan seruannya."<sup>12</sup>

Hadith ini diriwayatkan oleh ramai sajana-sarjana hadith pada setia peringkat zaman dan mereka semua mengakui kesahihannya. Ibn Hajar meriwayatkan hadith al-Ghadir ini dalam kitabnya, al-Sawaiq,<sup>13</sup> yang dinukilnya dari al-Tabrani dan lainnya. Al-Hakim al-Naysaburi meriwayatkannya dalam al-Mustadrak,<sup>14</sup> dari Zaid b. Arqam melalui dua saluran yang disahihkannya sesuai dengan syarat-syarat Imam al-Bukhari (m.890M), menurutnya, "Ketika Rasulullah SAW pulang dari Hajjat al-Wada' dan samapi ke suatu tempat yang bernama, Ghadir al-Khumm diperintahkannya beberapa orang pengikutnya agar mendirikan khemah dan bagindapun berpidato: "Seakan-akan aku akan dipanggil (oleh Tuhanku) dahn akupun memenuhinya, dan aku tinggalkan kepada kamu al-Thaqalayn, yang satu lebih besar daripada yg lainnya, iitu Kitab Allah SWT dan 'Itrahku. Maka perhatikanlah bagaimana kamu memperlakukannya terhadap kedua-duanya setelah peninggalanku nanti, sebab kedua-duanya tidak akan berpisah sampai bertemu kembali denganku di al\_Hawd." Kemudian baginda bersabda lagi: "Sesungguhnya Allah SWT adalah mawlaku dan aku pula adalah mawla bagi setiap orang mukmin (baginda mengangkat tangan Ali seraya berkata): "Barangsiapa yang (mengakui) dirku ini sebagai mawlanya, maka dia (Ali) ini juga walinya. Wahai Tuhanku, cintailah siapa yang meperwalikannya dan musuhilah siapa yang memusuhinya." Periwat hadith ini meriwayatkannya sampai akhir hadith yang panjang ini, dan al-Dzahabi yang menukilkannya dalam kitab al-Talkhis<sup>15</sup> tidak menampakkan sebarang keraguannya akan kesahihan hadis ini, padahal ia dikenali sebagai seorang ahli hadis yang tidak mudah untuk menerima sesuatu hadith.<sup>16</sup>

Manakala al-Hakim al-Naysaburi menyebut hadith ini lagi di dalam al-Mustadraknya<sup>17</sup> sebagai hadith yang berasal daripada riwayat Zaid b. Arqam dan ia telah mengakui kesahihannya.

Imam Ahmad b. Hambal meriwayatkan hadith ini dalam Musnadnya juga dari Zaid b. Arqam , di mana ia menceritakan "Kami dan Rasulullah saw berhenti di suatu lembah yang bernama Ghadir 533; cf al-Musawi, . Baginda memerintahkan supaya mendirikan sembahyang di sana. Selepas sembahyang, selepas hari siang lalu baginda berucap di hadapan kami dan sehelai kain direntangkan di pokok bagi melindungnya dari pancaran panas matahari, dan dalam ucapannya baginda bersabda: "Bukankah kamu mengethui atau adakah kamu menyaksikan bahawa aku paling utama untuk menjadi wali bagi setiap mukmin daripada dirinya sendiri?" "Benar," jawab mereka yang hadir. Seterusnya baginda berucap lagi:"Ketahuilah siapa sahaja yang menjadikanku sebagai mawlanya, maka Ali adalah

---

<sup>12</sup> Lihat 'Abd al-Husay, al-Ghadir., l.hh. 10-11.

<sup>13</sup> Lafaz hadith ini menurut al-tabrani, al-Tabari dan al-Hakim, dan Ibn Hajar pula menukilkannya daripada al-Tabrani dan lainnya dengan lafaz tersebut, dan ia menerima kebenaran hadith ini tanpa keraguan lagi. Cf. al-Musawi, h. 188.

<sup>14</sup> Lihat al-Hakim al-Naysaburi, al-Mustadrak, Jilid III, Hydrabab 1341 H/1921, h. 109; cf al-Musawi, h. 188.

<sup>15</sup> Cf. al-Musawi, h. 188.

<sup>16</sup> Ibid., h. 189.

<sup>17</sup> Al-Hakim, al-Mustadrak, III, h. 189

mawjanya juga. Wahai Tuan, cintailah siapa yang mewalikannya dan musuhilah siapa yang memusuhinya.”<sup>18</sup>

Imam al Nasai<sup>19</sup> juga meriwayatkan hadis ini dari Zaid b. Arqam, di mana menurutnya: “Ketika Rasulullah saw pulang dari Hajjat al-Wada’ dan berhenti di Ghadir Khumm, lalu baginda memerintahkan supaya didirikan beberapa khemah dan setelah itu baginda bersabda: “Seakan-akan aku dipanggil (Allah) dan aku memenuhinya. Aku tinggalkan kepadamu al-Thaqalayn yang satu lebih besar dari yang lain: Kitab Allah dan itraku, ahlul baitku. Perhatikanlah bagaimana kamu memperlakukannya terhadap kedua-duanya setelah sepeninggalanku nanti, lantaran kedua-duanya tidak akan berpisah sampai berjumpa semula dengan al-Hawd.” Kemudian baginda menyambung lagi: “Sesungguhnya Allah adalah mawla dan aku adalah wali setiap mukmin. (Lalu baginda mengangkat tangan Ali dan bersabda lagi): “Barangsiapa yang memperwalikanku, maka ini adalah walinya juga. Wahai Tuhanku, cintailah siapa yang memperwalikannya dan musuhilah siapa yang memusuhinya.” Kemudian Abu al-Tufail berkata: “Saya pernah bertanya kepada Zaid: “(Adakah) tuan hamba mendengar(nya) sendiri dari Rasulullah?”<sup>20</sup> Lantas Zaid b. Arqam menjawab: “Setiap orang yang berada dalam khemah-khemah itu melihat baginda dengan kedua-dua matanya dan mendengar (ucapan baginda dengan kedua-dua telinganya.”

Peristiwa hadith ini telah diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam Sahihnya<sup>21</sup> dari beberapa saluran riwayat daripada Zaid b. Arqam juga, tetapi Imam Muslim meringkaskannya.

Manakala Imam Ahmad sekali lagi meriwayatkannya dari al-Barra’ b. ‘Azib<sup>22</sup> melalui dua saluran riwayat, katanya: “Kami bersama-sama . Cf. al-Musawi, h. 190 Rasulullah berhengi di Ghadir Khum, maka diserukan al salah jamiah, lalu dibersihkan (orang) tempat untuk baginda di bawah dua pokok dan setelah baginda mengerjakan sembahyang zohor bagindapun mengangkat lengan Ali seraya bersabda: “Tahukah kamu bahawa aku lebih utama menjadi wali setiap mukmin dari diri mereka sendiri?” “Benar.” Jawab mereka lagi. (Menurut periwayat ini bahawa) baginda sambil mengangkat lengan Ali bersabda lagi : “Siapa sahaja yang mengakuiku sebagai walinya maka Ali adalah walinya. Ya Allah cintailah siapa yang memperwalikannya dan musuhilah siapa yang memusuhinya! Kemudian Umar al-Khattab menemui Ali dan berkata:”Anda menjadi mawla setiap mukmin dan mukminah.”

---

<sup>18</sup> Ahmad b. Hanbal, Musnad, Jilid IV, hh. 366, 367 dan 368 dalam al-Kutub al-Sunnah, Jilid XXII, Istanbul 1402/1982; cf. al-Musawi, h. 189.

<sup>19</sup> Al-Nasa’i, Sunan al-Nasa’i, Jilid VIII, airo Tanpa Tarikh, Kitab al-Manaqib, Bab al-Khasa’is al-‘Alawiyah; al-Musawi, h. 189.

<sup>20</sup> Pertanyaan Abu al-Turail ini jelas menunjukkan kehairanannya terhadap umat ini; bagaimana mereka menjauhkan Ali dari tampuk kepimpinan umat Islam, sedangkan mereka meriwayatkan kepimpinan itu haknya sebagaimana dalam sabda Rasulullah saw pada peristiwa al-Ghadir itu! Seakan-akan ia ragu-ragu terhadap kebenaran apa yang diriwayatkan oleh mereka perkara ini sehingga ia bertanya kepada Zaid b. Arqam yang diketahuinya dengan pasti telah meriwayatkan hadith ini. “Apakah benar anda mendengarnya sendiri daripada Rasulullah?” Lantas Zaid pun menjawabnya bahawa semua orang yang hadir semasa ucapan itu disampaikan oleh baginda telah menyaksikan ucapan baginda dengan mata dan telinga mereka sendiri. Ibid., h. 190. Ibn Kathir menceritakan dengan agak tertperincin tentang peristiwa al-Ghadir ini di dalam kitabnya. Lihat Ibn Kathir, Abu al-Fida’ al-Bidayah wa al-Nihayah, Jilid VII, Beirut 1981, hh. 347-354.

<sup>21</sup> Al-Nawawi, Muhyi al-Din Sahih Muslim, Jilid XV, Cairo 1349/1939, hh. 180-181; cf. al-Musawi, h. 190.

<sup>22</sup> Ahmad b. Hanbal, Musnad, IV, hh. 366, 367 dan 368 dalam al-Kutub al-Sunnah, Jilid XXII, Istanbul 1402/1982. Cf al-Musawi, h. 190.

Manakala menurut Imam al-Nasai dari riwayat Aisyah bt. Sa'd: "...Aku dengar ayahku berkata: "Aku dengar Rasulullah saw ketika berada di al Juffah berkata setelah memuji-muji Allah): "Wahai manusia, aku adalah wali kamu!" Mereka menjawabnya: "Benar pengucapan tuanhamba itu wahai Rasulullah." Lantas baginda mengangkat tangan Ali seraya bersabda lagi: "Ini adalah waliku yang melunasi hutangku, atas namaku, dan aku bersama siapa yang mewalikannya dan memusuhi siapa yang memusuhinya."<sup>23</sup>

Menurut Sa'd juga (sepertimana yang diriwayatkan oleh al-Nasai): "Kami bersama-sama Rasulullah saw. Ketika sampai di Ghadir Khumm baginda berhenti sambil menunggu ketibaan orang-orang yang di belakang baginda dan memerintahkan kembalinya orang-orang yang berjalan mendahului baginda dan mengumpulkan mereka semua, lalu bagindapun berucap: "Wahai manusia, siapakah wali kamu?" Jawab mereka: "Allah dan RasulNya." Kemudian baginda menarik lengan Ali dan menyuruhnya berdiri lalu bersabda lagi: "Barangsiapa yang mengakui Allah dan RasulNya sebagai walinya maka dia ini juga walinya. Wahai Tuhanku, cintailah siapa yang mewalikannya dan musuhilah siapa yang memusuhinya!"<sup>24</sup>

Hadith yang mengenai kepemimpinan Ali b. Abi Talib ini banyak sekali, tiada tercakup dan tiada terhitung dan kesemuanya adalah nasnas yang jelas dan terang menyatakan Ali b. Abi Talib adalah walinya, penerima wasiatnya, dan pemegang kekuasaan ummah setelah peninggalan Rasulullah saw sebagaimana yang disebutkan oleh al-Fadl b. 'Abbas b. Abi Lahab dalam syairnya yang berikut:

*"Ali putera mahkota setelah Muhammad  
Yang menjadi temannya di setiap peristiwa."<sup>25</sup>*

2. Aspek periwayat – Peristiwa di Ghadir Khumm merupakan hadith yang sahih lagi mutawatir, kerana ianya diriwayatkan oleh sejumlah yang ramai para sahabat, tabiin dan ulama-ulama hadith pada tiap-tiap abad, sama ada di kalangan ahl al sunnah wa al jamaah<sup>26</sup> maupun di kalangan shi'ah.<sup>27</sup> Oleh itu, hadith ini sukar untuk dipertikaikan kesahihannya dan kemutawatirannya.

---

<sup>23</sup> Al-Nasa'i, Sunan, al-Khasa'is al-'Alawiyyah, Bab Dhikr Manzilah 'Ali 'ala manna Allah 'Azza wa Jalla dan Bab al-Tarhib fi mawalatih wa al-tarhib min mu'adatih.

<sup>24</sup> Ibid. Cf. al-Musawi, h. 191.

<sup>25</sup> Ibid

<sup>26</sup> "Ahl al-Sunnah wal Jamaah" berasal daripada "Sunnah", literalnya bermakna pengikut-pengikut Sunnah Rasulullah saw. Dari golongan penagut-penganut Islam yang terbesar di dunia yang mendakwa merekalah yang mengikut ajaran Islam yang sebenarnya, dan mereka tergolong ke dalam salah satu dari mazhab0mazhab sunni, sama ada yang dipelopori oleh Imam Malik (m. 179H/795M), atau Imam Abu Hanifah (m. 150H/767M), atau oleh Imam al-Shafi'i (m. 240H/820M) atau pun oleh Imam Ahmad b. Hanbal (m. 271H/855M). Manakala dari segi theology atau "ushul al-Din" pula, golongan ini termasuk ke dalam mazhab-mazhab yang dipelopori oleh Imam al-'As'ari (m. 324H/935M) dan Imam al-Maturidi (m. 325H/936M). Untuk maklumat yang terperinci lihat GGibb, H.A.R. &Krammers, J.H. Shorter Encyclopedia of Islam, Leiden 1974, hh. 552-553.

<sup>27</sup> "Shi'ah", literalnya satu golongan atau kaum yang berkumpul untuk suatu perkara atau pendaat yang diikuti ramai, kata jamaknya "Shiya". Bagaimanapun dalam konteks hadith ini "Shiah" ialah suatu golongan orang-orang Islam yang menganggap 'Ali b. Abi Talib sebagai khalifah yang sah dan paling layak menggantikan Rasulullah saw selepas kewafatan baginda, berdasarkan kepada nas-nas yang terang dan tersembunyi. Lihat Bitrus al-Bustani, Kitab Muhit al-Muhit, Jilid I, Cairo Tanpa Tarikh, h. 1149. Golongan ini mempercayai bahawa jawatan kepemimpinan ummah (Khilafah atau imamah) hanya terkhusus kepada 'Ali b. Abi Taib dari keturunannya sahaja dari ahl al-bayt atau 'itrati itu.

2.1 *Periwayat-periwayat dari kalangan sahabat*<sup>28</sup> – Di antara sahabat Rasulullah saw yang meriwayatkan hadith al Ghadir ini adalah seramai 110<sup>29</sup> Orang seperti berikut:

1. Abu Hurairah al-Dawsi (m. 57/58/59 H) .
2. Abu Laili Al-Ansari, (m. 37 H)
3. Abu Zainab bin ‘Auf Al-Ansari.
4. Abu Fadalah al-Ansari (m. 37H)
5. Abu Qudamah Al-Ansari.
6. Abu ‘Umrah bin ‘Amr bin Mihsam
7. Abu Al-Haitham b. al-Thaihan (m. 37H)
8. Abu Rafi’ Al-Qibthi.
9. Abu Dhu’ayb Khuwailid
10. Abu Bakr bin Abi Quhafah, (m. 13 H)
11. Usamah bin Zaid bin Harithah, (m. 54 H.)

---

